

## Galeri Putra, UPM guna bahan kitar semula kongsi sejarah kemerdekaan

Ogos 20, 2023 @ 3:01pm



Galeri Putra Malaysia (UPM) memanfaatkan barang kitar semula bagi menghasilkan bahan pameran berkaitan sejarah kemerdekaan negara sempena sambutan Hari Kebangsaan 2023. -Foto Facebook Ga

SERDANG: Galeri Putra di Universiti Putra Malaysia (UPM) memanfaatkan barang kitar semula bagi menghasilkan bahan pameran berkaitan sejarah kemerdekaan negara sempena sambutan Hari Kebangsaan 2023 ini.

Ketua Penolong Pendaftar Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) UPM, Rita Bajat, berkata terdapat lapan kapsul serta tujuh sudut kemerdekaan dipamerkan di galeri berkenaan bagi Pameran Kemerdekaan yang diadakan selama sebulan bermula 16 Ogos lepas.

Beliau berkata, setiap kapsul mempamerkan satu model dengan tema Lagu Negaraku, Jalur Gemilang, Tugu Negara, 31 Ogos, Rukun Negara, negeri-negeri di Malaysia, perdana menteri, dan logo kemerdekaan.

Katanya, tujuh sudut kemerdekaan pula adalah ruang pameran dengan tema Jalur Gemilang, hasil kreatif, mewarna, kolam beras dan kayu mural, kronologi merdeka, fotografi, serta pengisytiharan kemerdekaan.

"Pameran ini bukan sahaja membawa pengunjung menelusuri sejarah kemerdekaan negara menerusi grafik bermaklumat, tetapi juga mendidik masyarakat untuk sayangi bumi dengan memanfaatkan penggunaan barang kitar semula," katanya kepada Bernama.

Menurut Rita contoh model yang menggunakan bahan kitar semula ialah sudut "pengisytiharan kemerdekaan", dengan patung itu diperbuat daripada kulit telur, botol, pelitup muka dan surat khabar.

Katanya, begitu juga bendera Jalur Gemilang di satu daripada sudut pameran yang dihasilkan menggunakan reben terpakai, straw dan bekas telur.

Rita berkata, kesemua model dan sudut pameran dalam galeri itu hasil usaha dan kreativiti 58 kakitangan PSPK yang berjaya menyiapkannya dalam tempoh enam hari sahaja.

"Penganjuran pameran ini tidak membabitkan sebarang kos kerana kesemua bahan pameran adalah sumbangan kakitangan kami yang mereka kumpul dan bawa dari rumah, ada juga barang yang digunakan ketika penganjuran sesuatu majlis di UPM dan dikitar semula untuk pameran ini," katanya.

Beliau berkata, 3,000 orang disasar mengunjungi pameran di Galeri Putra itu yang terletak di Bangunan Canselori Putra dan dibuka setiap hari Isnin hingga Jumaat dari 9 pagi hingga 5 petang.

Menurutnya, selain pameran itu, pelbagai aktiviti pengisian kemerdekaan turut dianjurkan UPM antaranya penghayatan Rukun Negara, bual bicara bersama pensyarah berkenaan sejarah negara, dan sambutan ambang merdeka pada malam 30 Ogos. – BERNAMA